

# Rakyat Kelantan perlu buat perubahan

UM 16 JAN 2003

**K**OTA BHARU 15 Jan. — Rakyat Kelantan diseru supaya bangkit dan membuat perubahan sebagai hadiah paling istimewa kepada Perdana Menteri, pada pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata, kedatangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Kelantan hari ini menyuntik semangat baru kepada rakyat.

Malah, katanya, kedatangan Dr. Mahathir membuktikan beliau masih mengambil tahu nasib rakyat di negeri ini walaupun selama ini Kelantan diperintah oleh Pas sejak lebih 10 tahun.

"Datuk Seri sentiasa mengambil tahu tentang kedudukan kita di Kelantan pada hari ini akan menyemarakkan semangat kami untuk bersama-sama Datuk Seri bagi membela nasib negeri Kelantan supaya kita tidak lagi dalam gerhana," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Pemim-

pin Bersama Rakyat sempena lawatan Dr. Mahathir ke negeri ini di Padang Maktab Sultan Ismail, di sini hari ini.

Menurut Mustapa, ketokohan Perdana Menteri sebenarnya telah membawa banyak perubahan kepada umat Islam di negara ini termasuk dalam soal pendidikan dan pengukuhan ekonomi.

Beliau berkata, Perdana Menteri sebenarnya adalah pejuang Islam yang tulen dalam membela nasib umat Islam bukan sahaja di negara sendiri tetapi juga umat Islam di negara-negara yang ditindas seperti Palestin dan Bosnia Herzegovina.

"Dr. Mahathir membawa pengertian baru kepada jihad, jihad beliau ialah membawa ilmu kepada rakyat Malaysia. Dr. Mahathir menjadi contoh kepada rakyat negara ini," ujarnya.

Sementara itu pengerusi perhimpunan berkenaan, Datuk Paduka Ibrahim Ali dalam ucapannya yang mewakili rakyat Kelantan telah memohon maaf

kepada Dr. Mahathir kerana membuat keputusan salah memilih Pas pada pilihan raya umum 1999.

Beliau berkata, kesilapan membuat keputusan tersebut kerana rakyat Kelantan terpengaruh dengan pelbagai fitnah yang dibuat oleh pihak Pas.

"Kilang fitnah sudah berlalu, awan sudah beralih, rakyat kelantan sudah sedar dan insaf, InsyaAllah kita tidak akan melakukan kesilapan lagi seperti itu lagi," katanya.

Bagaimanapun Ibrahim yang berucap dengan penuh semangat tidak dapat meneruskan ucapannya apabila beliau sebak ketika menyentuh mengenai pengunduran Dr. Mahathir pada Oktober ini.

Dalam nada tersekat-sekat, Ibrahim berkata, "Kita akan kehilangan seorang pemimpin yang banyak berjasa kepada rakyat Malaysia dan kita orang Kelantan."